

- 1** Menurut pandangan Barat, konsep tamadun menerangkan pembangunan
- A** bandar
 - B** tatasusila
 - C** kesopanan
 - D** moral
- 2** Gambar 1 menunjukkan tinggalan bandar Mohenjo-Daro dalam tamadun Indus.



Gambar 1

Mengapakah masyarakat dalam tamadun Indus mampu membina bandar tersebut?

- A** Negara kota bersatu padu
 - B** Wilayah pemerintahan meluas
 - C** Kemasukan unsur tamadun luar
 - D** Kegiatan pertanian berkembang
- 3** Athens mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. Bagaimanakah sistem tersebut diamalkan di Athens?
- A** Rakyat biasa dilantik menjadi pemerintah
 - B** Golongan bangsawan memerintah wilayah
 - C** Kaum wanita diberi hak menyertai Ahli Majlis
 - D** Warga lelaki menjadi ahli Dewan perhimpunan
- 4** Maklumat berikut berkaitan dengan peringkat pendidikan dalam tamadun China.

Peringkat Pendidikan	Skop Pembelajaran
Rendah	Menghafal tulisan <i>ideogram</i>
Menengah	Menulis karangan dan sastera
Tinggi	X

Apakah X?

- A** Menulis karya sejarah
- B** Menterjemah buku suci
- C** Mencatat sejarah kerajaan
- D** Mengarang undang-undang

- 5 Raja Indravarman I telah membina baray di Angkor.
Mengapakah baray tersebut dibina?
A Menjamin bekalan makanan berterusan
B Mengawal suhu kawasan persekitaran
C Mengelakkan serangan pihak musuh
D Menanda sempadan sesebuah wilayah
- 6 Kerajaan berikut berkembang di Asia Tenggara antara tahun 5 Masihi hingga tahun 13 Masihi.

• Kedah Tua	-	5 Masihi hingga 13 Masihi
• Srivijaya	-	7 Masihi hingga 13 Masihi

- Apakah persamaan kedua-dua kerajaan tersebut?
- A** Pusat perluasan kuasa
B Pusat pengajian agama
C Pusat tanaman makanan
D Pusat perdagangan entrepot
- 7 Nabi Muhammad SAW menerima wahyu yang pertama pada 6 Ogos tahun 610 Masihi.
Apakah kesan peristiwa tersebut?
- A** Semangat assabiah diperkuuh
B Ketua kabilah hilang kuasa
C Negara bangsa dibentuk
D Zaman jahiliah berakhir
- 8 Setelah menerima wahyu yang kedua Nabi Muhammad SAW mula merancang untuk menyebarkan Islam.
Apakah strategi yang digunakan oleh baginda untuk menyebarkan ajaran Islam?
- A** Memperbaiki sistem pemerintahan
B Membetulkan akidah masyarakat
C Meningkatkan ekonomi ummah
D Memperkasa sistem kabilah
- 9 Bagaimanakah Nabi Muhammad SAW memperkuuh Islam di Madinah selepas Perjanjian Aqabah Pertama?
- A** Menghantar pendakwah
B Menggalakkan penghijrahan
C Melantik wali sebagai pentadbir
D Menguatkuasakan undang-undang

- 10** Apakah peranan Asma binti Abu Bakar ketika penghijrahan Nabi Muhammad SAW ke Madinah?
- A Penunjuk jalan
B Pemberi maklumat
C Penghantar makanan
D Penjaga keselamatan
- 11** Perpecahan umat Islam berlaku pada peringkat awal selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW.
Mengapakah perpecahan tersebut berlaku?
- A Campur tangan kuasa luar
B Perebutan jawatan pemerintah
C Kemunculan golongan murtad
D Kewujudan perang saudara
- 12** Apakah sumbangan kedua-dua kota berikut kepada tamadun dunia?
- Cordova
 - Baghdad
- A Pusat kesenian
B Pusat perdagangan
C Pusat ilmu pengetahuan
D Pusat kegiatan perindustrian
- 13** Tokoh berikut membincangkan tentang kedatangan Islam ke Asia Tenggara.
- John Crawford
 - Emanuel Gadinho Eredia
 - Snock Hurgronje
- Mengapakah mereka berpendapat perdagangan merupakan faktor penting kedatangan Islam ke Asia Tenggara?
- A Cukai perdagangan berpatutan
B Syahbandar mengawal perdagangan
C Penglibatan raja dalam perdagangan
D Pelabuhan menjadi tumpuan pedagang
- 14** Berikut merupakan kerajaan Islam di Asia Tenggara.
- Pasai
 - Pattani
- Bagaimakah kerajaan tersebut dibentuk?
- A Pengislaman raja
B Pengislaman rakyat
C Penguasaan perdagangan
D Penghapusan tradisi setempat

- 15** Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas berpendapat kehidupan masyarakat Asia Tenggara berubah selepas kedatangan Islam.
Apakah perubahan tersebut?

I Melaksanakan hukum syarak
II Mementingkan pendidikan
III Mengutamakan adat tradisi
IV Menekankan kemajuan fizikal

A I dan II
B I dan IV

C II dan III
D III dan IV

16 Antara yang berikut yang manakah motif seni ukiran orang Melayu selepas kedatangan Islam?

I Tumbuh-tumbuhan
II Cakerawala
III Haiwan
IV Geometri

A I dan II
B I dan IV

C II dan III
D III dan IV

17 Portugal dan Sepanyol bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan. Bagaimanakah persaingan tersebut dapat diselesaikan?

A Membayar wang pampasan
B Mengadakan pungitan suara
C Penetapan sempadan pengaruh
D Penggunaan kekuatan tentera

18 Apakah sumbangan pemerintah berikut terhadap negara mereka?

Pemerintah	Negara
Ratu Isabella	Sepanyol
Putera Henry	Portugal

A Memperkenalkan sistem perladangan
B Mewajibkan pendidikan berasaskan agama
C Menggalakkan penerokaan ke kawasan luar
D Menyekat kemasukan kaum pendatang

19 Sebelum kedatangan British masyarakat Melayu menjalankan kegiatan ekonomi sara diri.
Mengapakah masyarakat Melayu menjalankan kegiatan ekonomi tersebut?

A Cukai tinggi
B Peraturan ketat
C Kawasan terhad
D Teknologi rendah

- 20** Maklumat berikut berkaitan dengan mata wang yang digunakan oleh tiga buah negari di Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah.

Negeri	Mata wang
Kelantan	Dinar emas
Terengganu	Kupang emas
Pahang	Jongkong tampang

Apakah kesan penggunaan mata wang tersebut?

- A** Peningkatan kadar upah
 - B** Kelancaran kutipan cukai
 - C** Kelincinan urusan perdagangan
 - D** Perkembangan kegiatan perlombongan
- 21** Gambar 2 menunjukkan pembesar Mandarin di Vietnam sebelum kedatangan Perancis.



Gambar 2

Bagaimanakah cara perlantikan pembesar tersebut ke dalam pentadbiran.

- A** Warisan turun-temurun
 - B** Melalui peperiksaan
 - C** Diperkenan oleh raja
 - D** Cadangan golongan agama
- 22** Jose Rizal melaksanakan gerakan dakyah untuk memperjuang nasib rakyat tetapi gagal mencapai matlamat.
Apakah tindakan beliau selepas menemui kegagalan tersebut?
- A** Menubuhkan katipunan
 - B** Membentuk Liga Filipina
 - C** Melancarkan gerakan bersenjata
 - D** Menyebarluaskan pemikiran melalui media cetak
- 23** Penjajah Belanda mengasingkan pendidikan untuk anak golongan priyayi dengan anak golongan rakyat biasa di Indonesia.
Mengapa penjajah Belanda bertindak demikian?
- A** Memecahbelahkan penduduk pribumi
 - B** Mengawal kurikulum sekolah agama
 - C** Mempertahan warisan budaya
 - D** Menambah peluang pekerjaan

- 24** Seorang penduduk pribumi Tanah Melayu pada abad ke-19 berhasrat memajukan sebidang tanah yang belum dimiliki.


Syarat manakah yang menyukarkan hasrat tersebut?

- A Persetujuan pembesar
- B Kerjasama pemodal
- C Kebenaran residen
- D Perkenan sultan

- 25** Bagaimakah Rentap menentang pentadbiran Brooke di Sarawak?

- A Mengutip hasil tanpa lesen
- B Memohon bantuan kuasa luar
- C Mengelak pembayaran cukai tanah
- D Menyerang kubu pertahanan musuh

- 26** Rajah 1 menunjukkan perbalahan antara dua orang pembesar di Sungai Ujong



Apakah kesan perbalahan tersebut?

- A Kekurangan pelabur luar
- B Perluasan pengaruh asing
- C Perubahan sempadan negeri
- D Kemerosotan hasil tempatan

- 27** Count Camillo Benso di Cavour (Itali) dan Otto Eduard von Bismarck (Jerman) menggunakan pendekatan realpolitik untuk membina negara bangsa masing-masing pada abad ke-19.

Bagaimakah mereka menggunakan pendekatan realpolitik?

- A Melancarkan perperangan
- B Mengemaskini undang-undang
- C Mengawal institusi agama
- D Menggubal perlembagaan negara

- 28** Konsep negara moden di Eropah tercetus pada abad ke-18 dan abad ke-19 ekoran tercetusnya Revolusi Inggeris 1688, Perang Kemerdekaan Amerika 1776 dan Revolusi Perancis 1789.

Apakah asas konsep negara Eropah pada ketika itu?

- A Pengekalan sistem feudal
- B Persamaan rumpun bangsa
- C Pembentukan empayar
- D Pemulihan agama

- 29** Perlembagaan 1941 adalah perlembagaan bertulis pertama di Sarawak. Mengapakah perlembagaan tersebut penting kepada penduduk Sarawak?
A Ekonomi diagih sama rata
B Mendapat taraf kerajaan sendiri
C Sistem perkongsian kuasa diamalkan
D Rakyat tempatan dilantik penasihat kerajaan

30 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah dimeterai pada 21 Januari 1948 di Kuala Lumpur.
Apakah kandungan perjanjian tersebut?
I Konsep Raja Berperlembagaan diwujudkan
II Dasar pengagihan kuasa dilaksanakan
III Kerakyataan jus soli diterima
IV Gabenor Jeneral dilantik di setiap negeri
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

31 Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada British pada tahun 1946. Mengapakah British menerima penyrahan tersebut?
I Jajahan meluas
II Kedudukan kukuh
III Desakan penduduk
IV Sokongan pemberi
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

32 Apakah yang berkaitan dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?
A Kuasa raja-raja dikurangkan
B Sistem kewangan dikawal British
C Jawatan Pesuruhjaya Tinggi dikekalkan
D Pemisahan kuasa persekutuan dengan negeri

33 Majlis Undangan Negeri Singapura telah meluluskan usul penggabungan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan Disember 1961.
Apakah kesan penggabungan tersebut terhadap Singapura?
A Pengaruh parti berhaluan kiri merosot
B Bantahan daripada Republik Indonesia
C Parti pemerintah mengalami kekalahan
D Barisan Sosialis melancarkan pemberontakan


- 34** Pada bulan September 1965, Jeneral Soeharto telah menggulingkan Presiden Soekarno di Indonesia.
Apakah kesan tindakan tersebut terhadap Malaysia?
A Hubungan luar terhad
B Dasar konfrontasi tamat
C Kedaulatan negara tergugat
D Golongan radikal memberontak
- 35** Pilihan raya di Malaysia dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).
Apakah fungsi suruhnjaya tersebut?
I Memilih calon
II Menubuhkan parti
III Mendaftar pemilih
IV Menetapkan sempadan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 36** Maklumat berikut berkaitan dengan calon yang akan bertanding dalam pilihan raya.

Parti	Calon Bertanding
Sejahtera	Muthu
Kemajuan	Ali

- Berdasarkan peraturan pilihan raya di Malaysia, mengapa kedua-dua calon tersebut layak bertanding?
A Memiliki ramai penyokong
B Bukan penjawat awam
C Memilikikekayaan
D Tiada perniagaan
- 37** Dasar kependudukan telah diumumkan oleh kerajaan pada 29 Mei 1984.
Mengapa dasar tersebut dijangka dapat membantu meningkatkan kemajuan ekonomi Malaysia?
I Pelabur luar terhad
II Buruh asing meningkat
III Tenaga kerja bertambah
IV Pasaran tempatan meluas
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 38** Rajah 2 menunjukkan dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan.



Rajah 2

Apakah X?

- A** Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara
 - B** Dasar Persyarikatan Malaysia
 - C** Dasar Pertanian Negara
 - D** Dasar Penswastaan
- 39** Melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Malaysia telah menentang Dasar Apartheid yang diamalkan di Afrika Selatan.
Mengapakah Malaysia menentang dasar tersebut?
- A** Menghalang program senjata kimia
 - B** Mempertahan hak penduduk asal
 - C** Memilikan negara rakan pelaburan asing
 - D** Menghapuskan sekatan perdagangan
- 40** Perjanjian Versailles menamatkan Perang Dunia Pertama.
Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap Jerman?
- A** Keahlian dalam Liga Bangsa ditamatkan
 - B** Pemulihan sistem monarki
 - C** Keluasan empayar berkurangan
 - D** Perkongsian sumber tenaga dengan negara lain

KERTAS SOALAN TAMAT

SPMU 2019 SEJARAH KERTAS 1 (1249/1)

SKEMA JAWAPAN

SOALAN	JAWAPAN	B.TEKS (TING 4)	SOALAN	JAWAPAN	B.TEKS (TING 5)
1	A	5	21	B	11
2	C	27	22	B	18
3	D	43	23	A	16
4	B	55	24	C	31
5	A	77	25	D	33
6	D	79	26	B	39
7	D	107	27	A	68 & 69
8	B	108	28	B	67
9	A	118	29	B	110
10	C	120 & 123	30	A	107
11	C	145	31	A	110 & 111
12	C	152 & 156	32	D	127
13	D	179	33	A	141
14	A	180 & 181	34	B	147
15	A	185	35	D	177
16	B	206	36	B	179
17	C	224	37	D	209
18	C	223	38	D	207
19	D	245	39	B	239
20	C	255	40	C	232

PILIHAN JAWAPAN

A = 5,5 (10)

B = 3,8 (11)

C = 7,2 (9)

D = 5,5 (10)